

# E-BULETIN

EDITOR  
MOHAMAD FAHMI B.AMAT EASAN

GRAFIK  
MOHD NAZRI SAYUTI

FOTOGRAFI  
MOHD RAQIF BIN SAAT  
SYED MUHAMMAD HILMI BIN SYED YAHYA

JUL-SEP 2022

EDISI 61

[www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)



Topik :

## Swa Akreditasi Status : In or Out?

**19 Julai 2022  
(Selasa)  
10.00 - 11.00 pagi**

# BICARA KUALITI

UTMSPACE SIRI 3/2022

UTM Johor Bahru, 19 Julai – Bahagian Pengurusan Kualiti dan Risiko sekali lagi telah menganjurkan Program Bicara Kualiti UTMSPACE Siri 3/2022 yang disampaikan oleh Pengarah, Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Dr. Yahaya bin Md Sam dengan tajuk Self Accreditation: In or Out?

Program Bicara Kualiti yang berlangsung pada 19 Julai 2022 yang lalu ini telah berjaya menarik penonton seramai lebih 200 orang yang disiarkan secara dalam talian di akaun FB Official UTMSPACE serta aplikasi Webex.

Prof. Dr. Yahaya dalam pembentangan, beliau telah berkongsi maklumat berkaitan pentingnya dalam menjaga dan mengekalkan status swa akreditasi Universiti Teknologi Malaysia yang diperolehi UTMSPACE. Pelbagai aspek perlu diambil kira dalam penyediaan bagi mendapatkan swa akreditasi, serta proses-proses yang memakan masa panjang yang harus dilalui, bagi mendapatkan status tersebut. Diharapkan pelaksanaan sesi Bicara Kualiti dapat menerapkan budaya ilmu kualiti dalam kalangan staf UTMSPACE.

## AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) UTMSPACE 2022

Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Risiko telah menjalankan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UTMSPACE sebagai persediaan bagi pengauditan Pensijilan Semula MS-ISO 9001:2015 dari Llyod's yang dijadualkan berlangsung pada bulan Oktober 2022.

Audit yang berlangsung dari 8-30hb Ogos 2022 ini telah diketuai oleh Pn. Faidah binti Ab Ghani dan dibantu oleh 20 orang Juruaudit Dalaman UTMSPACE. Hasil daripada sesi audit didapati bahawa, para kakitangan UTMSPACE amat peka dengan prosedur yang ditetapkan Terdapat juga penambah baikan prosedur yang dilakukan pada prosedur yang sedia ada. Pelaksanaan audit dalaman ini mampu menjadikan UTMSPACE sebagai sebuah organisasi yang mempunyai kawal selia kendiri untuk memanfaat bagi keseluruhan prestasi operasi syarikat.



# AUDIT DALAMAN

**8-18 OGOS 2022**

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)  
UTMSPACE 2022

Sempena

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015  
JB : 5 & 6 Oktober 2022  
KL : 13 & 14 Oktober 2022




## PEMBUDAYAAN KUALITI, PEMERKASAAN ORGANISASI

Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Risiko  
UTMSPACE, UTM  
Aree 5, Blok 105, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

No. Telefon (Pejabat) : +6075318622  
Email : [kualiti@utmspace.edu.my](mailto:kualiti@utmspace.edu.my)  
Laman web : [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)





## TAKLIMAT URUSAN SEMAKAN PROGRAM AKADEMIK TAHUN 2022

Taklimat Urusan Semakan Program Akademik Tahun 2022 telah berlangsung pada 11hb Ogos 2022 di Bilik Lembaga, Residensi UTMSPACE Kuala Lumpur. Taklimat telah dihadiri oleh Ketua Jabatan dan Ketua Program daripada Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi serta Pusat Pengajian Diploma.

Memetik ulasan daripada Timbalan Pengerusi Akademik, Dr. Lily Suriani binti Mohd Arif, beliau menekankan tentang perkembangan kurikulum program-program akademik UTM yang berubah mengikut peredaran teknologi. Tambah beliau lagi persediaan bagi para akademik dalam mengadaptasi sebarang perubahan semasa adalah amat penting agar tidak ketinggalan, serta sering menambahkan ilmu-ilmu baharu, sejajar dengan perkembangan dan kemajuan terkini.

Beliau sangat menitik berat tentang hala tuju dan keberkesanan program-program UTM yang ditawarkan kepada umum. Maka sesi semakan program akademik SPACE UTM ini dilihat sangat penting dari pelbagai sudut.

Selain itu Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Kualiti dan Risiko, En Rosnizam bin Maarof telah turut menekankan faktor-faktor keperluan semakan program akademik UTM. Ia memberi impak dalam meningkatkan pemahaman terhadap program, keberkesanan dalam menyampaikan ilmu ketika di kuliah dan penyediaan bahan-bahan pengajaran yang relevan dan berkualiti oleh para pensyarah.



## PROGRAM PEMERKASAAN JAMINAN KUALITI UTMSPACE

Program Pemerkasaan Jaminan Kualiti UTMSPACE yang diadakan pada 24-25 Ogos 2022 telah disertai oleh ahli Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Kualiti (JTPK). Pengisian bagi program ini adalah merangkumi Lawatan Penanda Aras Pengurusan Jaminan Kualiti UTMSPACE ke Pusat Tanggungjawab (PTj) UTM yang terpilih, Mesyuarat JTPK Bil 6 dan Bengkel Semakan Manual Pengurusan Cemerlang UTMSPACE. Seramai 19 orang ahli JTPK telah menghadiri sesi ini.

Program telah dimulakan dengan lawatan penanda aras bersama Jabatan Perpustakaan yang turut dihadiri oleh Ketua Pustakawan Puan Nor Asikin Binti Mohamad pada hari pertama. Dalam lawatan ini, ahli JTPK mendapat input berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti dan Pengurusan Galeri yang dijalankan. Ia diteruskan dengan sesi perkongsian korporat oleh Pengarah Pusat Kualiti dan Risiko UTM, Prof Dr. Yahaya bin Md Sam. Antara intipati dalam ucapan beliau adalah peranan para ahli adalah penting dalam proses penetapan kualiti dan mereka dianggap sebagai ‘the last gate keeper’ dalam sesebuah organisasi. Mereka dipertanggungjawabkan bagi mengenal pasti sesuatu prosedur yang diimplementasikan adalah benar dan para ahli kualiti perlu bersikap telus dan berani dalam membuat sebarang keputusan. Setiap tindakan dan dapatan dari hasil semakan perlu besertakan fakta bagi menjaga standard sesebuah organisasi.

Sesi lawatan ahli JTPK pada hari pertama diakhiri dengan lawatan ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH). Lawatan ini adalah bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai pengurusan kualiti yang diamalkan selain dapat mempelajari sistem-sistem dokumentasi yang telah dibangunkan.

Penolong Dekan (Kualiti Dan Strategi) FSSH, Prof. Madya Dr. Halijah bt Ibrahim telah berbesar hati menerima lawatan ahli JTPK dan berharap agar banyak lagi kerjasama dapat dijalankan antara kedua-dua pihak.

Sesi diteruskan dengan Mesyuarat JTPK Bil. 6 yang membincangkan perihal pelaksanaan pengurusan kualiti di peringkat bahagian/pusat/unit pada hari terakhir program. Sesi diteruskan dengan Bengkel Semakan Manual Pengurusan Cemerlang UTMSPACE. Ahli JTPK telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi menyertai sesi perbincangan, semakan dan pemurniaan prosedur serta pengesahan prosedur bagi penyediaan Manual Pengurusan Cemerlang UTMSPACE (Edisi Pertama).



## MESYUARAT SEMAKAN PENGURUSAN BIL. 5

Mesyuarat Semakan Pengurusan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UTMSPACE Bil. 5 telah berlangsung pada 27 September 2022. Mesyuarat yang dijalankan secara bersemuka bagi staf Johor Bahru dan dalam talian secara webex bagi staf Kuala Lumpur ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali. Manakala ahlinya adalah terdiri dari kalangan ahli bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (JKP) UTMSPACE.

Menjadi antara keperluan penting sebelum sesi Audit Luar dilakukan, mesyuarat ini adalah sebagai medium pelaporan hasil daripada dapatan Audit Dalaman SPK UTMSPACE bagi Tahun 2022. Ia juga mampu melihat Prestasi Sistem Pengurusan Kualiti UTMSPACE bagi tahun yang sama. Mesyuarat ini juga dijalankan bagi mematuhi kehendak klausa 9.3 dalam Malaysian Standard ISO 9001:2015 yang memerlukan semakan terhadap sistem pengurusan kualiti bagi memastikan ianya adalah bersesuaian, mencukupi dan berkesan serta selari dengan arah tuju UTMSPACE. Ini membuktikan komitmen syarikat terhadap pembudayaan kualiti dan penambahbaikan berterusan dalam kalangan warga kerja UTMSPACE.



## BENGKEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PROGRAM DIPLOMA KERJASAMA SEMESTER 1 SESI 2022/2023

Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Program Diploma Kerjasama bagi Semester 1 sesi 2022/2023 telah berlangsung pada 23 Ogos 2022. Bengkel yang berlangsung di Dewan Tan Sri Ainuddin, UTMKL ini telah dihadiri oleh pensyarah-pensyarah UTM dan beberapa pensyarah daripada 14 buah kolej Kerjasama UTM yang lain juga. Ia bertujuan untuk memastikan para pensyarah kolej mendapat gambaran jelas tentang 13 program-program yang dijalankan bersama oleh UTM dan Kolej Kerjasama UTM.

Beberapa sesi perbincangan telah dilakukan termasuklah penerangan tentang kaedah pengajaran yang betul, kaedah penilaian bagi tugas, kuiz, ujian dan kerja lapangan serta penghuraian tentang penekanan bagi topik-topik penting dan keadalan sesuatu topik yang diajar.

Manakala penyediaan bahan pengajaran, nota kuliah, penerangan modul dan buku teks atau rujukan yang digunakan dalam pengajaran, serta bagaimana cara bahan-bahan rujukan dan pengajaran tersebut boleh diperolehi dari sumber-sumber yang ada. Sesi yang memberi pendedahan khususnya kepada para pensyarah daripada kolej-kolej kerjasama sangat membantu dalam memberi pemahaman tentang garis panduan kaedah pengajaran dan penilaian bagi silibus-silabus matapelajaran untuk program UTM.



## BENGKEL SISTEM SAIMS PUSAT PROGRAM KERJASAMA SPACE UTM

Bengkel SPACE Academic Information System (SAIMS) telah berlangsung pada 28-30 Ogos 2022 di Pulau Langkawi. Bengkel tahunan yang berlangsung sejak tahun 2019 ini, adalah usahasama antara UTM Digital, Universiti Teknologi Malaysia dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) UTMSPACE. Perkara yang dibincangkan di dalam bengkel ini adalah tentang mod penggunaan dan jenis-jenis ujian-ujian yang dilakukan serta proses-proses penilaian dan keberkesanan system SAIMS sebelum system ini diserahkan kepada rakan-rakan kerjasama dari dalam dan luar negara.

Penggunaan sistem SAIMS ini dijangka akan diguna pakai sepenuhnya pada Sesi 2022/2023 ini iaitu pada Oktober 2022. Beberapa siri ujian UAT (User Acceptance Test) telah dilakukan secara atas talian sejak tahun 2020 dan pengguna bagi SAIMS telah mengeluarkan laporan terperinci sepanjang ujian UAT. Hasil dapatkan daripada ujian adalah terdapat beberapa modul yang perlu ditambah baik dalam espek kandungan serta keberkesanan bagi modul-modul yang berkaitan terhadap pengguna. Sebanyak 70% data pelajar bagi program francais telah dilengkapkan di dalam sistem tersebut.

Bengkel disertai oleh seluruh staf PPK Kuala Lumpur, PPK Johor Bahru dan juga wakil dari BTMK yang mana mereka turut melaksanakan penilaian, semakan serta melengkapkan data yang diperlukan di dalam system. Mereka juga telah menyediakan laporan yang terperinci hasil daripada kajian yang dijalankan. Laporan tersebut akan dibentangkan kepada UTM Digital bagi tujuan semakan dan pengesahan.



ANYONE • ANYTHING • ANYWHERE • ANYTIME  
[utmspace.edu.my](http://utmspace.edu.my)